

# Peruntukkan RM100 juta

## ■ Masers Energy tinjau jalin kerjasama realisasi teknologi grid pintar

Oleh Sofyan Rizal Ishak  
sofyanrizal@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**M**asers Energy Development Sdn Bhd (Masers Energy) mengumumkan pihaknya sedang meninjau untuk menjalinkan kerjasama dengan sebuah agensi kerajaan dalam merealisasikan pelaksanaan teknologi grid pintar membabitkan tiga projek iaitu perumahan Kedah Zero Karbon, Bandar Solar dan Program Bon Solar serta pelaburan grid pintar dan pengkomersialan bersa-

ma Universiti Putra Malaysia (UPM).

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Suhaimi Abdul Rahman berkata, kerjasama itu diyakini mampu merealisasikan hasrat kerajaan untuk membawa Malaysia ke tahap lebih baik dalam bidang teknologi dan pemodenan.

“Kami berharap kerjasama dengan agensi kerajaan itu akan membantu kami untuk mencapai sasaran bagi menjadikan Malaysia sebagai negara grid pintar dan tanpa karbon pada 2030 sebelum meluaskan usaha ini

ke negara Asia lain,” katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara kedua-dua pihak di sini, semalam.

Ketika mengulas lanjut mengenai tiga projek terbahit, beliau berkata, perumahan Kedah Zero Karbon itu adalah projek hasil pelarasan kerjasama awam swasta (PPP) dan tanggungjawab sosial korporat syarikat untuk menawarkan perkhidmatan ini kepada komuniti kurang berkemampuan di Kedah.

“Konsep bandar perumahan kediaman di Padang Terap ini akan menggunakan

sumber solar bagi memberi peluang kepada 800 pemilik rumah untuk menjana pendapatan melalui jualan tenaga solar dan turut mengambil bahagian dalam aktiviti pertanian untuk eksport di mana ia dijangka mampu menjana pendapatan sehingga RM3,000,” katanya.

Suhaimi berkata, pihaknya turut melaksanakan projek bandar solar dan bon solar kepada orang ramai melalui program pembiayaan kewangan untuk meringankan beban kewangan mereka dengan penggunaan

tenaga bersih.

Dalam perkembangan sama, syarikat turut memperuntukkan sejumlah RM100 juta bagi pelaburan grid pintar dan pengkomersialan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menjadikannya sebagai sebuah institusi pendidikan pertama tanpa karbon di negara ini.

“Kami akan memperkenalkan kenderaan elektrik untuk kegunaan kampus selain pemasangan panel solar, meter pintar dan lain-lain untuk kegunaan komuniti UPM,” katanya.